

**SOALAN NO. 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HASBULLAH BIN  
OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah asas serta kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya oleh SPR menimbulkan polimik antara pihak Kerajaan dan pembangkang; dan
- (b) adakah cadangan tersebut dibawa ke Parlimen untuk mendapatkan kelulusan dan bagaimana SPR dilihat sebagai sebuah badan yang bebas.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri yang dilaksanakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan berdasarkan bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan dan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) Mengelakkan hubungan masyarakat tempatan.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Seksyen 9 dan 10, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa YAB Perdana Menteri hendaklah membentangkan laporan Kajian Semula Persempadanan dan draf Perintah Persempadanan di hadapan Dewan Rakyat untuk mendapat sokongan tidak kurang daripada setengah Ahli Dewan Rakyat. Draf Perintah Persempadanan itu adalah bagi melaksanakan syor yang terkandung dalam laporan tersebut.

Sekiranya draf Perintah itu ditolak, ditarik balik atau tidak diluluskan oleh Dewan Rakyat, maka YAB Perdana Menteri boleh mengadakan rundingan dengan pihak SPR untuk meminda draf Perintah tersebut dan seterusnya membentangkan sekali lagi draf Perintah itu untuk kelulusan tidak kurang daripada setengah jumlah Ahli Dewan Rakyat.

Setelah draf Perintah tersebut diluluskan di Dewan Rakyat, ia hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan. Kuatkuasa Perintah tersebut hanya terpakai setelah pembubaran Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri yang berlaku pada atau selepas tarikh kuatkuasa perintah tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 11 dan 12, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai peranan yang penting apabila usul Perintah Persempadanan SPR ini dibentangkan dalam Dewan kelak, sama ada untuk meluluskan atau menolaknya terpulang kepada Ahli Yang

Berhormat untuk membuat keputusan. Tugas SPR akan selesai apabila laporan syor persempadanan tersebut dibentangkan untuk kelulusan Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.